



colloquium
isme
Empowering Local Mind in Art Design
& Cultural Heritage
2016

Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016


proceeding book

27 & 28
December
2016

Universiti
Teknologi MARA,
Melaka, Malaysia.

In collaboration with:





Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Russlan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shaharudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shaharin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yulianto, Edy Tri Sulistyua, Slamet Subiyantoro, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafril Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Muliyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Ilustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Muliyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: <i>Pakai Semutar Kain Lepas</i>.	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D'zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of <i>Batik Jarum</i> Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof ¹ Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhammad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdî</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The 'Me-Too' Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhalilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan 'Siri Dungun' Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba'ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah</i>	
51	Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli</i>	
52	Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yussof, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	The Status Quo of Malaysian Printmaking	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	

Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk

N. H Ramle^{1*}, R. Abdullah²

¹Fakulti Teknologi kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Terengganu, Malaysia.

*Penulis utama: zah_an@yahoo.com

Abstrak-Islam merupakan sebuah agama universal yang sesuai dianuti oleh pelbagai budaya di seluruh dunia. Perkara ini turut membawa kepada perbezaan rekabentuk serta tanaman landskap Islam. Namun, penggunaan tumbuhan dalam landskap Islam tidak terhad kepada penggunaan spesies dari pokok Timur Tengah sahaja. Ini kerana landskap Melayu juga merupakan sebahagian daripada landskap Islam. Isu dalam kajian ini memperlihatkan kebanyakan sejarawan barat sering menggambarkan landskap Islam adalah simbol kepada negara Arab ataupun Timur Tengah. Ini kerana kebanyakan sejarawan barat tidak memahami konsep sebenar landskap bandaraya Islam dan kurangnya pengetahuan pada konsep rekabentuk serta nilai estetik pada landskap bandaraya Islam dikalangan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan membentuk model landskap bandaraya Islam berdasarkan prinsip rekabentuk landskap Melayu dalam melihat komponen serta karekter landskap Melayu yang sesuai untuk digunakan dalam landskap bandaraya Islam di bandar Kota Bharu berdasarkan empat faktor nilai rekabentuk. Empat faktor rekabentuk yang dilihat dalam kajian ini adalah berdasarkan empat contoh landskap bandaraya Islam terawal, rujukan dari al-Quran tentang karekter-karekter di syurga, pemilihan spesies tumbuhan berdasarkan kesesuaian iklim dan topografi di kepulauan Melayu dan kaji selidik dari lima kumpulan responden berkaitan konsep bandaraya Islam. Daripada keempat-empat faktor nilai rekabentuk ini, maka dapat dilihat bahawa elemen penting pada tumbuhan yang ditonjolkan dalam pembentukan landskap bandaraya Islam di kawasan tropika adalah tumbuhan rendah, hijau, berbau harum dan berbuah yang sesuai dengan persekitaran setempat lazimnya tumbuhan tempatan. Selain daripada itu, pemilihan tumbuhan juga tertumpu kepada faedah yang terdapat pada tumbuhan tersebut disamping penjagaan dan penyelenggaraan yang mudah. Elemen air juga merupakan faktor penting yang perlu ada dalam sesebuah landskap bandaraya Islam. Oleh itu, kesimpulan daripada kajian ini adalah, pemilihan tumbuhan dalam rekabentuk landskap bandaraya Islam tidak terhad kepada tumbuhan

di Timur Tengah sahaja tetapi haruslah bersesuaian dengan keadaan iklim, topografi serta menerapkan elemen-elemen dari empat faktor nilai rekabentuk yang disebutkan tadi.

Kata Kunci: *Landskap Islam, landskap Melayu, bandaraya Islam.*


1. PENGENALAN

Tema serta landskap dalam sesebuah bandaraya mampu memberi impak tersendiri terhadap pembentukan serta imej sesebuah bandaraya. Perancangan yang teliti serta memahami kehendak serta keperluan penduduknya dapat membentuk sebuah bandaraya yang tersusun, efisien, mesra pengguna disamping membentuk identiti sebenar bagi sesebuah bandaraya. Bandaraya-bandaraya yang tersohor biasanya mempunyai keistimewaan yang tersendiri sebagai daya tarikan dan juga mempunyai temanya yang tertentu. Tema-tema bagi sesebuah bandaraya dapat menunjukkan kelebihan serta menonjolkan identiti sebenar sesebuah bandar itu. Penggunaan elemen-elemen tertentu dalam sesuatu landskap dapat menonjolkan imej serta tema landskap tertentu yang ingin di sampaikan. Bagi landskap bandaraya Islam, penggunaan elemennya tidak tertumpu kepada menonjolkan imej serta tema sahaja tetapi turut memenuhi kehendak pengguna mengikut kesesuaian setempat. Elemen-elemen landskap yang digunakan pada kebanyakan bandaraya Islam mampu memberi imej yang menarik pada bandar tersebut selain digunakan sebagai keperluan asas pengguna. Antaranya ialah penggunaan elemen air sebagai ejen penyejuk dan sumber air untuk penyiraman [1-2]. Penerimaan corak bandaraya Islam bukanlah membawa maksud menerima apa yang ada dalam corak pembangunan bandaraya di negara Arab. Adalah tidak bertepatan untuk meniru dan mengadaptasi corak perbandaran masyarakat Islam di negara lain tanpa mengambil kira konteks budaya, iklim, geografi, politik dan pentadbirannya [4]. Sifat Islam yang universal membolehkan ajaran agama ini dipraktikkan oleh mana-mana lokaliti, kepelbagaian budaya masyarakat seluruh dunia, geografi, dan lain-lain. Kelebihan ini membolehkan masyarakat seluruh dunia boleh mengamalkan ajaran Islam mengikut kesesuaian tempat mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Setiap sudut tempat di muka bumi ini telah diciptakan oleh Allah s.w.t tumbuhan yang hidup subur mengikut kesesuaian persekitarannya. Kebanyakan bandar yang ingin menerapkan konsep bandaraya Islam banyak mengambil corak rekabentuk bangunan serta landskap di bandar-bandar Islam yang tersohor tanpa mengambil kira faktor sosio budaya, iklim, dan persekitaran masyarakat setempat. Perkara ini lazim dilihat dalam rekabentuk seni bina dan landskap terutamanya dalam aspek interpretasi budaya dalam perbandaran Islam [4-6]. Kebanyakan hasil penulisan tentang bandaraya Islam yang dirujuk adalah daripada karya ahli-ahli sejarawan Barat yang bukan beragama Islam serta kurang pemahaman tentang agama Islam itu sendiri. Idea dan fahaman mereka memberi gambaran umum yang mana Islam itu hanya suatu budaya masyarakat silam yang berkembang sehingga mencapai tahap kegemilangan dan

akhirnya jatuh lenyap dan menjadi suatu rujukan sejarah sahaja [3]. Sesetengah daripada mereka tidak memahami konsep Islam sebenar dalam membentuk sebuah bandaraya Islam yang syumul dan manusia sebagai khalifahnyanya dalam mensejahterakan alam yang didiami [7-10]. Oleh yang demikian, kajian ini akan membentuk model landskap bandaraya Islam dalam meneliti karekter-karekter serta kesesuaian tumbuhan untuk diterapkan dalam landskap bandaraya Islam berdasarkan kepada empat faktor dalam nilai rekabentuk.

2. METODOLOGI

Kajian ini di buat bagi membentuk model landskap bandaraya Islam di kawasan tropikal berdasarkan empat faktor nilai rekabentuk. Terdapat dua jenis analisis dokumen, iaitu analisis data primer dan analisis data sekunder. Data primer melibatkan hasil temubual responden dan data sekunder adalah hasil kajian ilmiah menerusi jurnal dan bahan bacaan lain. Data yang diperolehi dibahagikan kepada empat komponen utama seperti yang dipaparkan pada rajah 1 menunjukkan model landskap bandaraya Islam.



Rajah 1: Model landskap bandaraya Islam.

Pemilihan responden dalam kajian ini dilakukan secara kategori terpilih bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Pemilihan responden dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu ahli akademik, para imam, pemilik kedai, pengusaha nurseri (tapak semaian) dan penduduk sekitar untuk mendapatkan variasi data-data mengikut sudut pemahaman, pandangan serta kepakaran masing-masing.

Kawasan kajian yang dijalankan ini terletak di kawasan asal bandar Kota Bharu didirikan yang mana terdapat elemen-elemen warisan yang masih kekal serta tempat tumpuan utama di Kelantan. Dalam konteks kajian ini, selain daripada status kawasan awal penubuhan bandar Kota Bharu, pemilihan tapak kajian

dibuat berdasarkan kepada enam elemen yang perlu ada dalam mewujudkan landskap bandaraya Islam iaitu:

- i. Masjid
- ii. Kawasan istana
- iii. Pasar
- iv. Kawasan komersial
- v. Kediaman
- vi. Taman rekreasi

Pemilihan enam elemen ini penting dalam menunjukkan elemen yang perlu ada dalam sesebuah bandaraya Islam khususnya. Rajah 3 menunjukkan kawasan kajian yang dijalankan.



Rajah 2: Kawasan kajian

3. ANALISIS KAJIAN.

3.1 *Prinsip landskap bandaraya Islam terawal.*

- Penggunaan spesies tumbuhan dari Timur Tengah bukanlah spesies pokok yang mendominasi landskap bandaraya Islam di Alhambra, Istanbul dan Lahore. Tetapi, penanaman spesies tumbuhan dari timur tengah seperti *Phoenix dactylifera* Linn. (kurma), *Panica granatum* Linn (delima), *Ficus carica* Linn. (tiin), dan lain-lain adalah bagi menghormati dan menggalakkan pemakanan sunnah yang dibawa oleh Islam disamping mengingatkan tempat bermulanya Islam berkembang.
- Pentingnya penggunaan sumber semulajadi yang sedia ada secara berhemah.
- Penggunaan sumber air untuk tujuan pengairan tanaman, kawalan suhu serta kelembapan bagi tujuan kawalan suhu ketika musim panas.
- Bagi membentuk sesuatu landskap, fokus utama dalam rekaan ataupun susun atur landskap bukanlah hanya berpaksikan kepada kecantikan sahaja, tetapi dapat memberi manfaat serta memenuhi keperluan pengguna.
- Pemilihan spesies tanaman berdasarkan kepada kesesuaian iklim serta topografi setempat.

3.2 *Pemilihan spesies tumbuhan berdasarkan kesesuaian iklim dan topografi di alam Melayu.*

- Iklim panas lembab dan kedudukan geografi yang berhampiran dengan garisan khatulistiwa memberi kelebihan dari segi kepelbagaian spesies tumbuhan di alam Melayu.
- Spesies tumbuhan alam Melayu mempunyai banyak kegunaan dari aspek perubatan, kosmetik, rempah ratus dalam masakan, kegunaan untuk utiliti serta panduan dalam sesuatu situasi serta keadaan.
- Kebanyakan spesies tanaman di alam Melayu ini ditanam disekitar kawasan rumah tradisional Melayu. Hubungan di antara masyarakat Melayu serta alam sekitar begitu rapat.

3.3 *Rujukan ayat-ayat al-Quran mengenai landskap dalam syurga.*

- Berdasarkan rujukan dari ayat-ayat al-Quran, terdapat tujuh elemen utama yang disenaraikan dalam mencirikan keindahan disyurga yang relevan untuk diadapaskan di bumi iaitu:
 - a. Pohon-pohon hijau.

- b. Sungai yang mengalir.
 - c. Keadaan yang tidak terlalu panas dan tidak terlalu sejuk.
 - d. Ada naungan.
 - e. Mempunyai pelbagai buah-buahan.
 - f. Pohon berbunga.
 - g. Bauan yang harum.
- Tujuh elemen landskap disyurga yang diambil kira menjadi pemangkin dalam menghidupkan prinsip landskap Islam. Lima prinsip landskap Islam yang dapat diambil iaitu:
 - a. Kepelbagaian biodiversiti.
 - b. Keindahan.
 - c. Kontektual.
 - d. Kepelbagaian guna.
 - e. Kesederhanaan.

3.4 Hasil maklum balas lima kategori responden.

Berdasarkan analisis kelima-lima kumpulan responden ini, jelaslah bahawa konsep serta penggunaan elemen dan prinsip landskap Islam yang seharusnya diterapkan di bandar Kota Bharu Bandaraya Islam perlu menikut kesesuaian setempat dari aspek iklim, geografi serta penerimaan masyarakat setempat yang mana tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Pemilihan tanaman yang bersesuaian mengikut kehendak dan keperluan sesuatu kawasan adalah perlu di samping mengekalkan elemen-elemen landskap Islam serta membawa peringatan kepada manusia tentang hubungan tiga hala iaitu hubungan manusia dengan Pencipta, hubungan manusia dengan alam sekitar dan hubungan manusia sesama manusia.

4.0 CADANGAN MODEL PELAN LANDSKAP BANDARAYA ISLAM KOTA BHARU.

Hasil daripada analisis empat komponen dalam pembentukan model landskap bandaraya Islam akan dipersembahkan dalam bentuk pelan cadangan landskap bandar Kota Bharu bandaraya Islam. Elemen-elemen serta prinsip Islam yang telah dianalisis akan diterapkan pada landskap bandar Kota Bharu bersesuaian dengan corak serta pemilihan spesies tanaman yang dicadangkan oleh responden agar dapat memenuhi kriteria bagi elemen serta prinsip landskap

Islam. Rajah 3 menunjukkan pelan induk cadangan landskap bandaraya Islam Kota Bharu.



Rajah 6: Pelan induk cadangan landskap bandaraya Islam Kota Bharu.

4.1 Cadangan spesies tanaman landskap kediaman.

Cadangan spesies tanaman bagi landskap kediaman lebih mengfokuskan kepada keperluan asas bagi kegunaan harian serta keselesaan. Antara tanaman yang dicadangkan adalah *Murraya koenigii* (pokok kari), *Pandanus annaryllifolius* (pandan), *Etlingera eliator* (kantan), *Curcuma domestica* (kunyit), *Cocus nucifera* (kelapa), *Mimusops elengi* L. (tanjung), *Mangifera indica* (mangga), *Muntingia calabura* (ceri), *Nephelium lappaceum* (rambutan), *Syzysium aquenum* (jambu air), *Cananga odorata* (kenanga), *Pandanus annaryllifolius* (pandan), *Areca catechu* (pinang), *Hibiscus rosa sinensis* (bunga raya), *Centella asiatica* (limau kasturi), dan *Bougainvillea* (bunga kertas).

4.2 Cadangan spesies tanaman landskap Istana.

Cadangan spesies tanaman landskap Istana lebih tertumpu kepada menyerlahkan lagi identiti istana Melayu Kelantan serta sejarah bandarnya di samping menyesuaikan spesies tanaman tempatan yang merangkumi elemen serta prinsip landskap Islam. Antara spesies yang dicadangkan adalah *Thyrsostachys siamensis* (buluh siam), *Syzysium aquenum* (jambu air), *Allamanda cathartica* (bunga loceng), *Hibiscus rosa-sinensis* (bunga raya), *Ixora spp.* (siantan), *Areca catechu* (pinang), *Hibiscus rosa sinensis* (bunga raya), *Bougainvillea* (bunga kertas), *Jasminum sambac* (melur), *Terminalia catappa* (ketapang), *Mimusops*

elengi L. (tanjung), *Cyrtostachys renda* (pinang merah), dan *Streblus asper* (kesinai).

4.3 Cadangan spesies tanaman landskap Masjid.

Cadangan spesies di kawasan masjid pula lebih tertumpu kepada tanaman teduhan yang berbuah dan juga tanaman berbunga yang berbau harum (elemen bau dan teduhan). Sesuai sebagai tempat untuk beribadat, bau-bau harum dari tumbuhan meningkatkan kedamaian di kawasan masjid sebagai tempat untuk beribadat. Antara spesies yang dicadangkan adalah *Cananga odorata* (pokok kenanga), *Murraya paniculata* (kemuning), *Jasminum Sambac*. (melur), *Tamarindus indica* (asam jawa), *Areca catechu* (pinang), *Plumeria spp.* (kemboja), *Streblus asper* (kesinai), *syzygium aquenium* (jambu air), *Cocos nucifera* (kelapa), *Allamanda cathartica* (bunga loceng), *Bougainvillea spp.* (bunga kertas), *Mussaenda erythrophylla* (janda kaya), *Rhodomyrtus tomentosa* (kemunting), *nephelium lappaceum* L. (rambutan), *mangifera indica* (mangga) dan *Mimusops elengi* (tanjung).

4.4 Cadangan Landskap Taman Rekreasi.

Kebanyakan spesies yang digunakan menfokuskan penggunaan pokok teduhan serta warna bagi taman rekreasinya. Dengan keadaan cuaca dan iklim yang panas dan lembab di Kota Bharu, penggunaan pokok yang memberi teduhan amat bertepatan dalam menyeimbangkan suhu persekitaran agar selesa bagi pengunjung. Spesies tanaman yang dicadangkan adalah seperti *Artocarpus heterophyllus* (nangka), *Artocarpus integer* (cempedak), *Mangifera indica* (mempelam), *Garcinia mangostana* (manggis), *Lantana Camara* (tahi ayam), *Hibiscus rosa-sinensis* (bunga raya), *Bougainvillea spp.* (bunga kertas), *Jasminum Sambac*.(melur), *Terminallia catappa* (ketapang), *Cananga odorata* (kenanga), *Anacardium occidentale* (gajus), *Areca catechu* (pinang), *Syzygium aqueum* (jambu) dan *Cocos nucifera* (kelapa).

4.5 Cadangan Landskap Kawasan Komersial.

Pemilihan spesies tumbuhan pada kawasan komersial banyak menggunakan pokok teduhan bagi tujuan keselesaan pengguna jalan, kawalan suhu agar tidak terlalu panas, serta memperbanyakkan kawasan hijau. Cadangan spesies pokok yang dipilih bagi kawasan komersial lebih tertumpu kepada spesies teduhan yang kurang menggugurkan buah bagi mengurangkan penyelenggaraan. Antara spesies pokok yang dicadangkan adalah seperti *Averrhoa bilimbi* (belimbing buluh), *Artocarpus altilis* (sukun), *Pithecellobium bubalinum* (kerdas), *Phyllanthus acidus* (cermai), *Pterocarpus indicus* (angsana), *Areca catechu* (pinang), dan *Mimusops elengi* (tanjung).

4.6 Cadangan Landskap Kawasan Pasar.

Pemilihan spesies tumbuhan bagi landskap pasar menekankan elemen teduhan yang berbuah serta berwarna dan berbau. Cadangan spesies tumbuhan yang digunakan seperti *Tamarindus indica* (pokok asam jawa), *Muntingia calabura* (ceri), *Cocos nucifera* (kelapa), *Garcinia mangostana* (manggis), *Mangifera foetida* (bacang), *Mimusop elengi* (tanjung), *Areca catechu* (pinang), *Bougainvillea spp.* (bunga kertas), *Jasminum sambac* (bunga melur), dan *Cananga odorata* (kenanga).

4. KESIMPULAN

Pembentukan model landskap bandaraya Islam kota Bharu yang mengambil kira empat faktor utama telah memberi satu perspektif yang berbeza dalam pembentukan landskap bagi bandaraya Islam di Kota Bharu. Pemahaman yang diperolehi hasil dari pembentukan model landskap bandaraya Islam Kota Bharu ini menjelaskan bahawa tumbuhan alam Melayu juga boleh memenuhi kriteria elemen serta prinsip landskap Islam yang ada dijelaskan dalam al-Quran dan boleh diguna pakai dalam pembentukan landskap Islam di Kota Bharu. Tidak hanya bersandarkan kepada spesies tanaman di Timur Tengah, tanaman tempatan turut mempunyai kelebihan kepada masyarakat setempat dan turut menepati kriteria landskap Islam.

BIBLIOGRAFI

- [1] Jonas, L. (1980). *Earthly Paradise: Garden and Courtyard in Islam*. Hampshire: Thames and Hudson.
- [2] Limor, S.-B., David, P., & Evyata, E. (2011). The influence of trees and grass on outdoor thermal comfort in a hot-arid environment. *International Journal Of Climatology*. Vol 3, 1498–1506.
- [3] Mohamad Tajuddin, M. R. (1998). *The Mosque As A Community Development Centre*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [4] Mohamad Tajuddin, M. R., & Rosdan, A. M. (2001). *Konsep Perbandaran Islam Suatu Gagasan Alternatif*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [5] Mohd Manawi, M. A. (2012). Penghuni syurga menurut pandangan Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī: Tumpuan Terhadap Kitab Mafātīḥ Al-Ghayb. *Jurnal Usuluddin*. Vol 35, 25-46.
- [6] Nur Atiqa, Z., Tengku Anisah, T. A., & Aniza, A. B. (2013). Islamic environmental ethics and green technology practices for park design: potential of the adaptation in Taman Tasik Titiwangsa. *Seminar Proceeding, UMRAN 2013: Vision And Methods Towards Sustainable Built Environment & Livable Communities* (pp. 1-20). Gombak: KAED, IIUM.
- [7] Sophie, G.-R., & Mark, B. (2010). *Islamic garden in the UK: Dynamic of conservation, culture and communities*. UK: Botanic Gardens Conservation International U.K.
- [8] Sayyid Qutb. (2012, Jun 5). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Retrieved Februari 3, 2016, from <https://tafsirzilal.wordpress.com/>
- [9] Yedi Purwanto. (2010). Seni dalam pandangan al-Quran. *Jurnal Sosio teknologi Edisi 19 vol 9*, 782-796.